

## **BANK ISLAM PERKUKUH ASAS TAWARAN BANK DIGITALNYA**

*Mendekati segmen yang kurang mendapat perkhidmatan perbankan melalui jalinan kerjasama dengan Mambu, Experian dan Pod*

**KUALA LUMPUR, Ahad, [7 Mac 2021]:** Bank Islam Malaysia Berhad ("Bank Islam") terus mempergiatkan peranannya sebagai pengantara berasaskan nilai dengan mewujudkan satu penyelesaian berasaskan platform yang memperluaskan lagi akses masyarakat terhadap rangkaian produk patuh Syariah yang berlandaskan perkongsian risiko dan kesaksamaan. Bank Islam, melalui divisyen baharunya, Pusat Pengalaman Digital ("*Centre of Digital Experience, CDX*"), telah secara aktif memperkukuhkan asas penubuhan sebuah bank digital yang dibangunkan di atas satu platform yang fleksibel yang membolehkan penggiat-penggiat industri teknologi kewangan (fintech), pasaran digital dan rakan strategik lain untuk menyertainya secara langsung.

Dalam proses penubuhan bank digital serba baharu ini, dua penggiat infrastruktur dipilih untuk bekerjasama dengan Bank Islam, iaitu Mambu, sebuah platform perbankan SaaS termaju di pasaran, dan Experian, sebuah firma perkhidmatan maklumat global. Sementara itu, Bank Islam juga baru-baru ini telah menandatangani Memorandum Persefahaman ("*MoU*") dengan penggiat fintech tempatan, Pod, untuk membangunkan penawaran produk digital baharu.

Pendekatan digital ini akan menyaksikan Bank Islam menerapkan teknologi generasi terbaharu seperti perbankan digital *Cloud Native* dan sistem pengesahan identiti digital ("*Electronic Know Your Customer, eKYC*") pada produk dan perkhidmatannya. Ini akan membolehkan penawaran produk perbankan tanpa cawangan fizikal bagi akses pelanggan yang lebih meluas, khususnya dalam kalangan segmen celik teknologi.

Penglibatan Mambu akan membolehkan Bank Islam menyusun produk perbankan patuh Syariah ke dalam platform baharu itu, sementara Experian akan memberikan

penyelesaian eKYC yang membolehkan pelanggan membuka akaun bank tanpa perlu hadir ke cawangan bank.

Untuk produk pula, CDX sedang membangunkan model pemarkahan kredit alternatif dengan kerjasama Pod. Melalui kerjasama ini, CDX dan Pod akan meneroka penyelesaian untuk pelanggan yang terdiri daripada segmen kurang mendapat perkhidmatan perbankan seperti pekerja-pekerja sambilan (*gig workers*). Ini akan dilakukan dengan mengenal pasti kaedah alternatif untuk menilai kelayakan kredit segmen pelanggan terbabit dengan menggunakan kaedah di luar cara tradisional, pada masa sama turut menyediakan fleksibiliti dan kemasukan dalam sistem perbankan formal untuk segmen ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam, Mohd Muazzam Mohamed berkata, "Bank Islam, melalui CDX, telah melantik rakan strategik terkemuka seperti Mambu, Experian dan Pod untuk menangani keperluan segmen yang kurang mendapat perkhidmatan perbankan. Kami yakin bahawa menerusi kerjasama ini, Bank Islam dapat menyediakan akses yang lebih luas kepada pasaran dengan memanfaatkan teknologi digital. Pada masa yang sama, usaha ini akan terus mendorong transformasi digital sektor kewangan, terutamanya dalam industri perbankan Islam."

Tambah beliau, "Dengan kepakaran Bank Islam dalam bidang pengurusan risiko dan hal-hal yang berkaitan dengan Syariah, ditambah dengan teknologi Pod dan platform perbankan SaaS Mambu yang mantap, kerjasama ini dapat memperkenalkan dan mempromosikan penyelesaian kewangan Islam yang sesuai dengan segmen sasaran. Kami juga percaya bahawa kerjasama ini akan menjadi contoh untuk menggalakkan lebih banyak penyertaan firma-firma fintech dengan institusi kewangan yang akhirnya akan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi digital negara."

Pengasas Bersama dan Ketua Pegawai Eksekutif Pod, Nadia Ismadi berkata, "Segmen yang kurang mendapat perkhidmatan perbankan seperti pekerja-pekerja sambilan sering bertungkus lumus untuk menyimpan wang, agar diberi akses kepada pembiayaan dan produk kewangan, lebih-lebih lagi dalam keadaan pandemik yang melanda hari ini. Pod diwujudkan kerana kami percaya pasaran pekerjaan seperti yang kita ketahui kian berubah dan tidak lama lagi, sebahagian besar tenaga

kerja akan berada di bawah sektor tidak formal. Oleh itu, adalah penting untuk kita meletakkan asas-asas untuk mencipta penawaran kewangan yang khusus bagi memenuhi keperluan segmen ini."

Sementara itu, Myles Bertrand, Pengarah Urusan Mambu APAC pula berkata "Kami gembira kerana Bank Islam telah memilih Mambu untuk membina operasi baharu CDX. Perbankan internet dan mudah alih adalah kunci untuk meneroka pembangunan ekonomi dan penyertaan kewanga. Kami amat bangga untuk menyokong Bank Islam dalam misi penting yang bertujuan memperkukuhkan akses terhadap perkhidmatan perbankan digital di Malaysia. Bank Islam sedang berusaha untuk menjadi sebuah bank patuh Syariah yang terkemuka di rantau ini dan pelaksanaan ini merupakan satu langkah besar ke hadapan. Kami teruja untuk bekerjasama dengan Bank Islam yang sedang mengorak langkah untuk memulakan fasa baharu perjalanannya."

Penawaran penyelesaian oleh CDX akan dijangka disediakan di pasaran pada suku kedua tahun 2021.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com).

---

#### **Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad**

Bank Islam Malaysia Berhad, anak syarikat kepada BIMB Holdings Berhad ditubuhkan pada 1983 sebagai Bank Islam pertama di Malaysia. Sehingga kini, Bank Islam mempunyai 144 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Bagi memenuhi keperluan kewangan masyarakat Malaysia umumnya, Bank Islam menawarkan lebih daripada 70 produk dan perkhidmatan perbankan berlandaskan Syariah untuk memenuhi keperluan orang Islam dan bukan Islam. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan Bank Islam, sila layari [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com) atau hubungi Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03-26 900 900.

<b>Wan Norkhairi Wan Samad</b> Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel: 03-2782 1232 Tel. bimbit: 019-339 4491 Faks: 03-2781 2998 Emel: <a href="mailto:wnorkhairi@bankislam.com.my">wnorkhairi@bankislam.com.my</a> Web: <a href="http://www.bankislam.com">www.bankislam.com</a>	<b>Omar Atin</b> Penolong Timbalan Presiden Perhubungan Awam Komunikasi Korporat Kumpulan BIMB Holdings Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel.: 03-2781 2943 Tel. bimbit: 019-391 9144 Faks: 03-2781 2998 Emel: <a href="mailto:omar@bimbholdings.com">omar@bimbholdings.com</a> Web: <a href="http://www.bimbholdings.com">www.bimbholdings.com</a>
---	---